

17/10/1998

Saravanan mula berubah nada

Hussain Said

SAMA ada Edaran Otomobil Malaysia (EON) menerima rayuan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) atau sebaliknya jelas bukan persoalan buat pemenang pingat emas 50km jalan kaki Sukan Komanwel XVI, G Saravanan.

Sebaliknya, pejalan kaki berusia 28 tahun itu menyerahkan rayuan yang dibuat MOM kepada budi bicara syarikat korporat itu menimbangnya.

Tanpa berselindung, dia mahu memberi lebih tumpuan kepada latihan untuk persiapan menghadapi Sukan Asia di Bangkok, 6 hingga 20 Disember ini.

Selain menetapkan sasaran untuk mengisi kelompok lima terbaik dalam acara berkenaan, dia turut berhajat memperbaiki catatan Sukan Komanwel XVI lalu.

"Saya tidak mahu komen kontroversi Proton Perdana itu. Terpulang kepada EON sama ada mahu memberi atau sebaliknya. Jika ada rezeki, kereta itu mungkin menjadi milik saya tetapi kalau sebaliknya, saya juga harus menerimanya."

"Apa yang penting ketika ini ialah menumpukan perhatian kepada latihan untuk persiapan menghadapi Sukan Asia. Itu sasaran saya," katanya semalam.

Rabu lalu, dalam mesyuarat Lembaga MOM, badan induk itu akan mengemukakan rayuan kepada EON berhubung kegagalan pejalan kaki itu memperolehi kereta berharga RM70,000 itu.

Selain mendapat pengesahan Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) terhadap catatan atlit kelahiran Pulau Pinang itu sebagai rekod kejohanan, Lembaga MOM berpendapat catatan Saravanan itu akan menjadi rujukan pada masa depan biarpun ia adalah acara baru dalam Kuala Lumpur '98.

Terdahulu, Saravanan mendakwa catatannya, 4 jam 10 minit 05 saat, sekali gus memecahkan rekod kebangsaan 4'14:14s miliknya sendiri bagi acara 50km jalan kaki, adalah rekod temasya.

Malah, atlit itu mendakwa dia juga berhak memiliki kereta nasional itu bersama peserta angkat berat, Mohd Hidayat Hamidon dan penembak, Nurul Hudda Baharin, daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam Jamuan Perdana pada 3 Oktober lalu.

Berikutan kegagalannya itu, dia berharap Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) memperjuangkan haknya tetapi Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Mazlan Ahmad, mendedahkan Timbalan Presiden KOAM, P Solomon, harus dipersalahkan kerana gagal membawa sebarang bukti dan dokumen.

Menurut Saravanan, biarpun dia belum melepasi syarat kelayakan, dia yakin namanya akan disenaraikan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan, 26 Oktober ini.

"Lagipun, keadaan cuaca di Hiroshima empat tahun lalu dan Bangkok jelas berbeza. Sudah tentu, saya mempunyai kelebihan kerana cuaca Bangkok dengan Kuala Lumpur lebih kurang sama."

"Malah, sudah tentu peserta dari China dan Kazakhstan turut menghadapi masalah cuaca. Apapun, saya akan cuba berikan yang terbaik," katanya.

(END)